



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

(Ministry of Health Malaysia)

Bahagian Pembangunan

Aras 2, 7 dan 9, Blok E6, Kompleks E, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 PUTRAJAYA

Tel : 03-8000 8000

E-mel : pembangunan.kkm@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.200-5/1/6 (3)

Tarikh : **2** Julai 2024

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

ULASAN PENGGUNAAN RUANG TANAH BAGI TUJUAN PERMOHONAN KELULUSAN PENERIMAAN HADIAH BERBENTUK ASET TAK ALIH DI FASILITI MILIK KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara seperti tersebut di atas dan surat edaran Bahagian ini ruj. KKM-BPP.UT/200-1/10/1 Jld. 23 (50) bertarikh 8 Disember 2020 adalah berkaitan.

2. Sepertimana pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, **permohonan kelulusan penerimaan hadiah bagi tujuan kegunaan jabatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan prosedur yang dinyatakan pada Garis Panduan Permohonan Kelulusan Penerimaan Hadiah Bukan Tunai untuk Kegunaan Jabatan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**. Garis panduan tersebut disediakan oleh Bahagian Perolehan dan Penswastaaan, KKM selaku Urus Setia Penerimaan Hadiah di Kementerian ini.

3. Sehubungan dengan itu, salah satu syarat yang ditetapkan bagi permohonan kelulusan penerimaan hadiah berbentuk Aset Tak Alih (ATA) seperti **pembinaan struktur atau bangunan di fasiliti milik KKM adalah perlu mendapatkan ulasan dari Bahagian Pembangunan berkaitan penggunaan tanah/ ruang yang akan dibangunkan ATA berkenaan**. Pemohon yang bercadang untuk mendapatkan kelulusan penerimaan hadiah sedemikian dikehendaki **mendapatkan terlebih dahulu ulasan penggunaan ruang tanah sebelum permohonan dikemukakan kepada Kuasa Melulus yang berkenaan**.

4. Bagi tujuan penjelasan dan penambahbaikan prosedur permohonan kelulusan penerimaan hadiah/ sumbangan berbentuk ATA, permohonan ulasan

daripada Bahagian Pembangunan adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- i. Ulasan bagi penggunaan tanah/ ruang di fasiliti milik KKM yang akan dibangunkan ATA **hanyalah untuk penggunaan tanah/ ruang baharu yang belum pernah digunakan**. Bagi pembinaan sumbangan ATA di atas tapak tanah sedia ada yang asal (tidak melibatkan tambahan penggunaan ruang tanah baharu), tiada keperluan untuk mendapatkan ulasan daripada Bahagian ini;
- ii. **Permohonan ulasan bagi penggunaan ruang baharu/ tambahan tanah di dalam perimeter sedia ada fasiliti KKM perlu disertakan dengan lakaran pelan lokasi cadangan ATA berkenaan yang jelas menunjukkan penggunaan tanah/ ruang baharu yang akan digunakan;**
- iii. **Permohonan ulasan bagi penggunaan ruang baharu tanah milik KKM di luar perimeter fasiliti sedia ada KKM perlu disertakan dengan lakaran pelan lokasi seperti di perkara 4 (ii). dan salinan dokumen yang mengesahkan status pemilikan tanah tersebut.** Bahagian ini tidak akan memberikan sebarang ulasan sekiranya pembinaan ATA tersebut adalah di atas tanah bukan milik KKM.

5. Penetapan syarat dan prosedur permohonan ulasan bagi permohonan kelulusan penerimaan hadiah berbentuk ATA ini **berkuat kuasa serta merta dan seterusnya membatalkan surat edaran terdahulu ruj. KKM-BPP.UT/200-1/10/1 Jld. 23 (50) bertarikh 8 Disember 2020.**

6. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,


(ZAIRI BIN MAT ALI)

Bahagian Pembangunan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k:

1. **Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)**
Kementerian Kesihatan Malaysia
2. **Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)**
Kementerian Kesihatan Malaysia
3. **Pengarah**
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Kesihatan Malaysia
4. **Setiausaha Bahagian**
Bahagian Perolehan dan Penswastan
Kementerian Kesihatan Malaysia
5. **Ketua Unit Intgeriti**
Kementerian Kesihatan Malaysia
6. **Ketua Audit Dalam**
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN JKN

1. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Jalan Raja Syed Alwi
01000 Kangar
PERLIS INDERA KAYANGAN
2. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah
05400 Alor Setar
KEDAH DARUL AMAN
3. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Jalan Resideni
10450 George Town
PULAU PINANG
4. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Koo Chong Kong
3000 Ipoh
PERAK DARUL RIDZUAN
5. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
Kompleks Pejabat Kesihatan
Jalan Cenderasari
50590 KUALA LUMPUR
6. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 9, 10, 11, 14, 17 dan 18
No. 1, Wisma Sunway
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C, Seksyen 9
40100 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN
7. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Rasah
70300 Seremban
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

8. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 3,4 dan 5 Wisma Persekutuan
Jalan Business City, Bandar MITC,
75450 Ayer Keroh
MELAKA
9. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Tingkat 2,3,4,5 dan 9, Blok B, Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek
80590 Johor Bahru
JOHOR DARUL TAKZIM
10. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Jalan IM 4, Bandar Indera Mahkota
25582 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR
11. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Aras 5, Wisma Persekutuan Kota Bharu
15590 Kota Bharu
KELANTAN DARUL NAIM
12. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20920 Kuala Terengganu
TERENGGANU DARUL IMAN
13. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 1,3 dan 6,Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh
88590 Kota Kinabalu
SABAH
14. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako
93050 Kuching
SARAWAK
15. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
Peti Surat 80832
87018 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

16. Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
Jalan Pahang
50586 KUALA LUMPUR

SENARAI EDARAN INSTITUSI

- 1. Pengarah**
Institut Kanser Negara
No.4, Jalan P7, Presint 7
62250 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
- 2. Pengarah**
Pusat Pergigian Kanak-Kanak &
Kolej Latihan Pergigian Malaysia
3, Jalan Sepoy Lines
10450 PULAU PINANG
- 3. Pengurus**
Institut Pengurusan Kesihatan
Blok B1, Kompleks Institut Kesihatan Negara (NIH)
No.1, Jalan Setia Murni U13/52
Seksyen U13 Setia Alam
40170 SHAH ALAM
- 4. Pengarah**
Bahagian Regulatori Farmasi Negara
Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot 36, Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya
SELANGOR
- 5. Pengarah**
Pusat Darah Negara
Jalan Tun Razak,
50400 KUALA LUMPUR